



KOPI PAHIT

Dr Abdul Rauf pensyarah di Kolej

Islam Malaya telah menuduh bahawa Islam di Malaya bukanlah Islam yang sebenarnya sebab orang-orang di sini tidak berpegang teguh kepada ajaran-ajarannya yang sebenar. Dr Abdul Rauf baharu “dua hari” di sini dan tidak pula cukup bergaul dalam masyarakat dan tidak tahu pula berbahasa Melayu. Dengan begitu bagaimana ia boleh mengetahui hal-hal di lingkungan orang-orang Melayu. Sepatutnya ia menggunakan kebijaksanaan – tidak mendatangkan tuduhan buta. Tidak dinafikan bahawa ada di antara orang-orang Melayu yang tidak sembahyang, jumud serta peminum dan penzina tetapi di sebaliknya itu tidak kurang pula yang berpengertian agama yang harus melebihi kepandaian Dr Abdul Rauf. Kalau keadaan ini dijadikan sebab maka tentulah pula orang bertanya: Apakah di Mesir tempat Dr itu diperanakkan tidak kurang keadaan itu? Bahkan kita percaya lebih banyak karut marutnya dari orang-orang di Malaya – Jangan pandang jubah atau serban – Bung!

* * *

Syed Ahmad Jamaluddin Setiausaha UMNO bahagian Singapura dalam suatu perayaan Mahulid setelah menyeru orang mengikut ajaran Muhammad dari segala segi kemudian, dikatakan, berkata bahawa sekalipun najis jika bermanfaat kepada bangsa dan agama maka hendaklah kita terima. Ya Syed! Apakah tuan berkata dengan pengetahuan agama atau dengan perasaan tuan! Orang Islam tidak mahu menerima najis dan ditegah melakukan demikian! Apakah tuan fikir jika diadakan majlis

tarian untuk kebajikan agama dibenarkan oleh Islam?

Tidak! Bung! Kalau tuan mahu ambil barang najis untuk kebajikan kebangsaan yang tuan jaga – Tuan punya suka tetapi kalau agama Tuan Syed nanti kalau buat akan ditanya di *yawm al-mahshar*. Baik-baik jangan mencampuri agama kalau belum mengerti atau belum mengkjinya, Bung!

* * *

Ada orang- marah-marah kalau orang mahu buat rumah!

Orang buat rumah tentu ingat kepada keselamatan yang akan datang dan sudah tentu berjimat cermat serta bekerja dengan bersungguh baharu dapat serta orang yang begitu bukannya daripada orang-orang yang menghamburkan wangnya untuk minum arak, membelanjai wanita-wanita dan mengajak pula isteri sendiri minum arak – kerana zaman moden, Bung! Bercakap benci penjajah tetapi sudah lama diberi makan oleh penjajah – Ia apa tidak, Bung!

* * *

Orang-orang Islam yang balik dari Rusia dan dari negeri-negeri China bersetuju bahawa Islam di negara-negara Komunis akan hapus dalam masa sepuluh tahun iaitu sesudah tua-tuanya manusia sedang pemuda-pemudanya tidak menerima ajaran-ajaran Islam. Hanya Tuhan sahaja yang mengetahui hal ini! Ini patut diperhati oleh kita di sini kerana anasir-anasir Komunis sudah terang dimasukkan ke dalam dada pemuda-pemuda kita – dan telah masuk pula ke dalam masyarakat Islam dengan menyamar atau menyeludup. Apakah orang-orang Melayu masih diam juga dan membiarkan anasir-anasir itu merebak dan menjalar di dalam dada anak-anak kita menerusi bahasa Melayu? Tengku Abdul Rahman mesti ingat-ingat dalam hal ini – Cemeti al-Farouk.